

**UCAPAN MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH
HARI INOVASI
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA TAHUN 2009**

OLEH:

**Y.B. DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**PADA 2 DISEMBER 2009
DI DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID,
BLOK C, KOMPLEKS KERJA RAYA.**

Bismilahir Rahmanir Rahim

Assalamualakum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Y.Bhg. Datuk Thomas George

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Y. Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

Y.Bhg. Datuk Ir. Hamzah Bin Hassan

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Y.Bhg Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid

Presiden Pusat Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC)

Y. Bhg Dato'–Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan hidayah dan izin-Nya, Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2009 bersempena dengan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya dapat diadakan buat julung kalinya pada tahun ini. Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis penyampaian hadiah ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

INOVASI PEMACU TRANSFORMASI

2. Kita tidak boleh menyelesaikan sesuatu masalah dengan menggunakan cara pemikiran sama seperti yang telah kita gunakan bagi mewujudkan masalah itu. Untuk itu, saya berpendapat tema Hari Inovasi KKR pada tahun ini iaitu “Inovasi Pemacu Transformasi” adalah amat bertepatan dengan keperluan dan cabaran semasa yang perlu sama-sama kita tempuhi pada hari ini. Perubahan-perubahan yang sedang berlaku di Malaysia mahupun di peringkat global kadang kala amat sukar untuk kita mengejanya. Tatkala perubahan berlaku, kita sering gagal memahaminya, dan apabila kita mula memahaminya, ianya sudah terlambat dan akhirnya menjadi bahan sejarah. Oleh yang demikian, KKR selaku peneraju utama pembangunan infrastruktur negara perlu mengambil tindakan yang lebih proaktif dengan mentransformasikan sistem penyampaiannya untuk terus kekal relevan dalam industri ini. Kekuatan modal insan yang ada di dalam organisasi KKR harus dimobilisasikan dan digembleng dengan sepenuhnya agar budaya kerja

berprestasi tinggi yang berasaskan inovasi dan kreativiti dapat diterapkan.

3. Bagi memastikan kelangsungan KKR dalam menerajui pembangunan infrastruktur negara, sukacita saya ingin mengajak semua pihak untuk menilai kembali apakah kita semua sudah melakukan yang terbaik dalam tugas kita. Kita perlu menyedari hakikat bahawa sebenarnya kita tidak bersendirian di dalam menyediakan perkhidmatan perundingan teknikal dan kepakaran kejuruteraan kepada Kerajaan. Semua perkhidmatan yang kita sediakan kepada Kerajaan seperti pembinaan dan penyenggaraan jalan raya, pembinaan sekolah, hospital, pusat pentadbiran serta pengurusan aset dan fasiliti turut juga ditawarkan oleh pihak lain*. Di luar sana, pelbagai pihak sedang cuba dan telah melobi kepada Kerajaan dengan tawaran yang lebih kompetitif dan menarik bagi melaksanakan secara terus projek-projek Kerajaan. Dalam hal ini, adakah kita hanya akan menjadi sebagai pemerhati yang terperangkap di dalam sistem penyampaian berasaskan kaedah yang lama atau menjadi pemain utama yang akan terus diberi kepercayaan oleh Kerajaan.

***CONTOH:**

Maklumat tambahan berkenaan fungsi JKR yang dilaksanakan oleh pihak lain di dalam projek-projek pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Jumlah Projek Pembangunan RMK9 = 1,044 : tetapi yang dilaksanakan oleh JKR hanya 325 atau 31% sahaja manakala selebihnya dilaksanakan oleh KKM sendiri

Jumlah Projek Rangsangan Ekonomi = 26 : tetapi yang dilaksanakan oleh JKR hanya 6 atau 23% sahaja manakala selebihnya dilaksanakan oleh KKM sendiri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

INTEGRITI

4. Peranan yang perlu digalas oleh Kementerian Kerja Raya bukanlah suatu tugas yang mudah dan boleh dipandang ringan oleh kita semua. Setiap produk dan output yang dihasilkan meliputi keseluruhan ruang lingkup kehidupan seharian. Apabila bercakap sahaja mengenai jalan raya, jambatan, sekolah, hospital dan pelbagai lagi infrastruktur di Malaysia, sudah pastilah hanya nama JKR sahaja yang akan bermain di fikiran rakyat. Seheinggakan masalah yang sepatutnya bukan berada di bawah tanggungjawab kita, kini telah menjadi sebahagian daripada tugas yang perlu dilaksanakan. Di atas kesedaran inilah, setiap projek yang dilaksanakan oleh JKR perlu dilaksanakan dengan penuh integriti. Namun, sepanjang tempoh 8 bulan saya berada di Kementerian ini, beberapa insiden yang kurang enak didengar telah berlaku yang sedikit sebanyak telah mencemarkan tahap profesionalisme kita semua.

5. Kejadian bangunan runtuh dan kemalangan ketika kerja meroboh di Jaya Supermarket, runtuh bumbung di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin Kuala Terengganu dan yang terbaru, tragedi jambatan gantung runtuh di Kuala Dipang yang telah mengorbankan 3 nyawa merupakan beberapa contoh yang tidak seharusnya berlaku ketika kita sedang giat mempromosikan kontraktor tempatan di peringkat global. Kesemua kejadian ini sebenarnya berkait rapat dengan integriti.

Penerapan nilai integriti seharusnya wujud dalam setiap aspek tugas yang kita laksanakan seperti semasa membuat keputusan pemilihan kontraktor, aspek pemantauan semasa kerja dilaksanakan, kepatuhan kepada masa, standard, kualiti dan kos yang ditetapkan dan aspek keselamatan kepada pengguna.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KEPIMPINAN

6. Dalam menguruskan sebuah organisasi yang terdiri daripada pelbagai bidang dan kepakaran, keupayaan seorang pemimpin sama ada di peringkat negeri, persekutuan mahu pun di daerah amatlah penting terutamanya dalam persekitaran semasa yang begitu mencabar pada hari ini. Para pemimpin harus bijak menilai dan peka terhadap sebarang perubahan yang berlaku di sekeliling mereka dengan minda yang terbuka. *Stakeholders* dan rakyat mengharapkan supaya kita semua melakukan yang terbaik, tidak kira walau serumit mana pun halangan dan kekurangan mendepani kita. Itulah realiti sebenar pada hari ini.

7. Perdana Menteri kita menyedari hakikat akan keperluan untuk negara Malaysia terus meneroka kaedah baru bagi memastikan produktiviti dapat ditingkatkan ke arah mencapai KDNK antara 5 hingga 6 peratus. "Business as usual" atau bekerja dengan cara yang lama tidak akan dapat membantu kita bagi mencapai matlamat ini kerana sumber

pertumbuhan baru yang berasaskan inovasi dan kreativiti perlu digerakkan. Setiap pemimpin perlu mempunyai matlamat dan halatuju yang jelas supaya keseluruhan organisasi dapat menyokong ke arah pencapaian visi. Kita juga perlu sedar bahawa visi dan sasaran yang perlu dicapai telah pun diterjemahkan ke dalam KRA dan KPI baik di peringkat nasional mahupun di peringkat kementerian. Oleh itu, bagi tahun 2009, analisis ke atas pencapaian perlu dilakukan dan sebagai perancangan bagi tahun 2010, perkara-perkara spesifik yang akan dilaksanakan perlu dikenalpasti dengan segera. Sebagai contoh di dalam RMK-10 sebanyak 200 buah projek akan diberi keutamaan oleh KKR. Saya amat yakin dan berharap barisan kepimpinan di semua peringkat di Kementerian Kerja Raya dapat menggunakan sepenuhnya keupayaan masing-masing bagi mewacanakan ekspektasi rakyat dalam bentuk pelan tindakan strategik yang jelas dan tuntas bagi mencapai *outcome* yang disasarkan.

PRESTASI INDUSTRI PEMBINAAN

8. Industri pembinaan merupakan antara sektor terpenting di negara ini. Walaupun sumbangan industri ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar agak kecil iaitu kira-kira 3 hingga 4 peratus setahun, namun kepentingannya kepada sektor ekonomi lain amat jelas kerana ia secara tidak langsung menyokong sektor pengangkutan, pembuatan, kewangan, kesihatan dan pendidikan melalui penyediaan kemudahan dan infrastruktur fizikal. Industri pembinaan juga mampu menjana kesan berganda melalui penglibatan pelbagai pihak seperti perkhidmatan perundingan, pembuatan dan pembekalan bahan binaan, sewaan

peralatan dan jentera dan penawaran buruh. Oleh itu, Kementerian Kerja Raya melalui agensi-agensi di bawahnya perlu memastikan industri pembinaan ini akan terus berkembang dan dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

9. Untuk mencapai matlamat ini, polisi yang jelas dan dinamik perlu dirangka bagi tujuan mempermudah penyelarasan aktiviti penggiat-penggiat industri binaan seperti proses pembayaran, perkhidmatan perundingan dan pembekalan. Ini selaras dengan suasana industri binaan Malaysia yang semakin berkembang dan mencabar dari masa ke semasa. Oleh itu, ia memerlukan satu garis panduan atau prosedur yang jelas bagi memastikan semua pihak dapat memainkan peranan mereka dengan berkesan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai contoh, strategi-strategi yang telah dikenalpasti di dalam IBS Road Map 2003 – 2010 perlu dikaji semula bukan sahaja dapat mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan, tetapi memberi impak yang positif kepada Kerajaan dan pihak swasta. Selain itu ia juga diharap dapat memberi nilai tambah secara keseluruhan kepada industri binaan. Pengadaptasian aplikasi IBS ini akan dapat menggalakkan penggunaan teknologi moden, meningkatkan kualiti mutu pembinaan, pewujudan lebih ramai tenaga kerja mahir, meningkatkan imej industri pembinaan malah dapat membawa industri kita setanding dengan amalan-amalan terbaik di peringkat dunia.

10. Sebagai respons kepada keperluan semasa, Akta Bayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan atau CIPAA telah dirangka bagi menyelesaikan masalah pembayaran dan dapat membantu para

penggiat dalam industri binaan menyelesaikan pertikaian secara lebih sistematik, murah dan cepat. Apabila dilaksanakan kelak, sebarang pertikaian boleh dirujuk serta merta dengan pihak yang bertanggungjawab sama ada semasa projek pembinaan sedang dijalankan atau selepas projek disiapkan. Namun inisiatif seperti ini tidak seharusnya berhenti setakat ini sahaja. Usaha-usaha lain seperti memperkemaskan undang-undang dan penguatkuasaan ke atas pihak yang bertanggungjawab ke atas kegagalan sesebuah projek juga perlu dikaji dengan segera. Kita perlu memastikan industri ini terus dihormati dan tidak mahu imej industri binaan dikaitkan dengan kegagalan, ketidaktentuan dan mewujudkan suasana keresahan dikalangan rakyat. Beberapa pindaan-pindaan penting di dalam Akta CIDB dan Akta Lembaga-lembaga perlu dilakukan bagi memastikan urusan pihak pelanggan dapat dipermudahkan, dihormati dan sekaligus membantu merancakkan semula aktiviti ekonomi yang berasaskan industri binaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PEMBANGUNAN KONTRAKTOR

11. Semenjak saya menerajui Kementerian ini, antara perkara utama yang sering saya tekankan adalah mengenai keupayaan dan kualiti kontraktor yang melaksanakan projek-projek Kerajaan. Walau pun Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk peluang, program dan bantuan, namun hari ini, kita masih berbincang mengenai masalah kontraktor “ali baba”, tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran yang

mencukupi, tidak aktif dan sebagainya. Sekiranya masalah seperti ini tidak diatasi dengan segera, kontraktor-kontraktor tempatan terutamanya kontraktor bumiputera akan menghadapi masalah yang serius apabila perjanjian perdagangan bebas ASEAN pada 2012 dilaksanakan kelak. Kita masih mempunyai masa dan peluang untuk menyusun semula program pembangunan kontraktor dengan meletakkan sasaran-sasaran yang lebih pragmatik, memperkemaskan proses pendaftaran, dan merangka program yang dapat membawa kontraktor tempatan ke peringkat yang lebih tinggi. Kita harus berani menerima hakikat bahawa masih banyak lagi kelemahan yang perlu diperbaiki dan strategi serta program yang baru harus disusun dengan segera.

12. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Malaysia merupakan negara yang begitu terbuka dan aktif bagi menggalakkan penggunaan sains dan teknologi dalam semua sektor ekonomi. Ini dapat dilihat melalui insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan melalui migrasi teknologi dari negara-negara maju. Oleh itu, semua pihak terutamanya jurutera-jurutera yang ada di Kementerian Kerja Raya perlu memikirkan apakah kaedah pelaksanaan terbaik berasaskan teknologi tinggi di negara maju yang sesuai dilaksanakan di negara kita. Walau pun kita telah berjaya mengeksport kepakaran kontraktor tempatan di luar negara dengan nilai kerja yang mencecah RM98 bilion, namun masih terdapat banyak lagi ruang penambahbaikan yang boleh kita lakukan terutamanya dalam mengklasifikasikan kepakaran-kepakaran kontraktor yang ada di Malaysia. KKR melalui CIDB akan dapat melihat dengan lebih terperinci kepakaran sebenar yang kita ada dan seterusnya dapat menyediakan program-program pembangunan kontraktor dengan lebih efektif lagi. Program-program yang disediakan diharap dapat

memastikan industri binaan negara mempunyai bilangan kepakaran tempatan yang mencukupi di dalam semua bidang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

EXTENSION OF TIME (E.O.T)

13. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan banyak perubahan dalam menambahbaik proses kerja supaya lebih efisien dan dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome*. Sekiranya sesuatu projek yang telah ditender perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan, maka adalah menjadi kewajipan kontraktor yang berjaya dalam tender untuk menyiapkannya dalam tempoh tersebut. Pengecualian dalam lanjutan masa hanya akan diberikan kepada kes-kes yang tidak dapat dielakkan seperti perubahan cuaca yang luar biasa, masalah pengambilan balik tanah, kelewatan pengalihan utiliti dan kekurangan bahan bekalan binaan. Tujuan utama adalah untuk memastikan semua projek dapat disiapkan mengikut masa dan faedahnya dapat digunakan oleh rakyat.

14. Kerajaan pada hari ini tidak boleh berkompromi dengan kontraktor yang tidak menunjukkan prestasi yang baik. Tiada projek Kerajaan yang seharusnya gagal kerana sekiranya ini berlaku, tempoh masa pembinaan akan bertambah bagi proses tender semula dan sudah semestinya kos juga akan meningkat. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan tidak akan mengambil tindakan ke atas kontraktor

yang bermasalah. Sehingga hari ini, sebanyak 80 kontraktor yang gagal melaksanakan projek mengikut jadual telah ditamatkan perkhidmatannya. Saya juga telah mengarahkan JKR supaya setiap lanjutan masa yang diberikan dipantau dengan teliti supaya tiada lanjutan masa kedua atau yang seterusnya diberikan. JKR juga harus memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam memastikan projek tersebut dapat disiapkan.

LEBUH RAYA DAN SISTEM PENYAMPAIAN

15. Kerajaan perlu memikirkan dari pelbagai sudut apakah strategi yang terbaik dapat digunakan dalam memberi perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi rakyat yang semakin meningkat. Salah satu daripada perkhidmatan terbaik yang berjaya disediakan adalah pembinaan lebuhraya. Ia bukan sahaja telah berjaya memendekkan masa perjalanan, malah telah berjaya menarik minat pelabur asing untuk melabur di negara kita dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan juga sedar bahawa pengguna lebuhraya terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk membayar tol yang semakin meningkat tahun demi tahun. Di atas keprihatinan tersebut, buat kali pertama kali pada tahun ini, pelbagai insentif berupa diskaun dan rebat telah diberikan kepada para pengguna lebuhraya. Tidak cukup dengan itu, ada juga pengendali konsesi lebuhraya yang tidak mengenakan tol semasa musim perayaan Aidilfitri yang lalu. Usaha-usaha ini dilihat sebagai satu manifestasi ke arah mewujudkan lebih banyak kerjasama antara pihak Kerajaan dan swasta dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*).

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENGLIBATAN PIHAK ASING DALAM INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA

16. Malaysia secara fizikalnya telah berjaya membangunkan infrastruktur yang bertaraf dunia dan dikagumi oleh negara-negara jiran. Walau bagaimanapun kejayaan-kejayaan tersebut sebenarnya turut disumbang oleh kepakaran syarikat asing yang menawarkan perkhidmatan di luar kemampuan syarikat tempatan. Kita tidak boleh terus berpuas hati dengan pencapaian ini kerana secara relatifnya, penglibatan kontraktor dan perunding tempatan dalam projek-projek berskala besar seperti pembinaan Menara Berkembar Petronas, SMART Tunnel dan sebagainya masih memerlukan sokongan tenaga pakar dari luar negara sebagai rakan kongsi. Penglibatan pihak asing secara berterusan masih dapat dilihat di dalam pembinaan projek utama Kerajaan seperti pembinaan Empangan Bakun, projek landasan keretapi berkembar, dan jambatan Pulau Pinang Kedua.

17. Agensi-agensi Kerajaan, kontraktor dan perunding tempatan perlu merebut peluang yang ada ini bagi mempelajari teknik dan teknologi baru yang boleh mempertingkatkan kemahiran masing-masing. Kerjasama yang strategik antara kontraktor, perunding tempatan dengan syarikat asing ini dilihat sebagai salah satu cara bagi mempersiapkan keupayaan, kemahiran dan kapasiti setanding dengan negara-negara

maju yang lain. Melalui perkongsian pintar ini, usaha-usaha promosi akan dapat dipergiatkan dengan lebih rancak lagi bagi menembusi pasaran kerja yang sememangnya terbuka luas di luar negara kesan daripada dasar liberalisasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KONSEP BEKERJA DARI RUMAH

18. Pada bulan lepas, selepas saya melawat pejabat JKR di Mid Valley, saya berkesempatan untuk berbincang dengan Perdana Menteri tentang kemungkinan untuk memperkenalkan konsep bekerja dari rumah kepada kakitangan JKR. Beliau telah menyatakan persetujuan dan sokongan terhadap inisiatif tersebut dan semenjak itu, idea yang inovatif ini telah menarik perhatian begitu ramai pihak walau pun masih pada peringkat perancangan. Program yang dijangka akan bermula pada Januari 2010 ini akan dipelopori oleh 35 hingga 50 orang kakitangan JKR yang melibatkan antara 3 hingga 4 pengkhususan. Oleh itu saya menaruh harapan kepada semua warga KKR untuk memberikan komitmen yang tinggi ke atas kejayaan program ini yang juga merupakan program perintis dalam mentransformasikan perkhidmatan awam. Semua pihak akan melihat dan menilai sejauh mana keberkesanan program ini. Ia merupakan satu peluang yang ideal bagi merealisasikan tema hari inovasi kita iaitu "Inovasi Pemacu Transformasi". Saya begitu yakin dan komited dalam memastikan program ini berjaya dan membuahkan hasil. Justeru itu, sokongan yang

jitu daripada pihak pengurusan dan seluruh warga KKR amatlah diperlukan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

19. Tanpa kita sedari, pada tahun hadapan, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan telah memasuki tahun terakhir pelaksanaannya dan seterusnya akan diikuti dengan Rancangan Malaysia ke Sepuluh. Sukacita saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa cara pelaksanaan kerja tuan-tuan dan puan-puan perlu diubah dengan segera sekiranya kita benar-benar serius ingin melihat Malaysia melonjakkan ekonominya setanding dengan negara maju. Gagasan 1Malaysia yang mengutamakan pencapaian perlu difahami dengan sedalam-dalamnya. Oleh itu saya menyeru seluruh warga Kerja Raya bersatu menggembeng usaha untuk mempertingkatkan lagi keupayaan ke arah mencapai prestasi yang lebih tinggi. Sepertimana yang selalu saya tekankan sebelum ini, semua agensi di bawah KKR perlu menggerakkan sepenuhnya kekuatan dan potensi yang ada dalam organisasi masing-masing untuk memberikan perkhidmatan melebihi jangkauan pelanggan. Idea bernas dan berkualiti dari semua peringkat, baik Kumpulan Pengurusan dan Profesional mahupun Kumpulan Sokongan adalah amat digalakkan kerana ianya boleh dijadikan sumber maklumat dan inspirasi yang baik sekiranya dapat diolah menjadi sesuatu yang relevan dan bersesuaian dengan kepentingan organisasi.

20. Masih banyak lagi tugas yang belum diselesaikan:

- masih banyak lagi jalan raya yang perlu dibina;
- masih banyak lagi jalan yang perlu diselenggarakan;
- masih banyak lagi hospital, sekolah, kompleks pejabat, asrama, dan kuarters yang perlu dibina bagi memenuhi keperluan sosioekonomi dan kebajikan rakyat;
- aspek kualiti dan keselamatan dalam pembinaan perlu dipertingkatkan;
- kemudahan-kemudahan yang telah dibina perlu diselenggara dengan cekap dan berkesan bagi menjamin tempoh hayat rekabentuk;
- bagi industri pembinaan, masih banyak lagi yang perlu diperkemaskan terutamanya persiapan untuk bersaing dalam suasana persekitaran liberalisasi yang semakin kompetitif.
- masih banyak yang perlu dipelajari dan diterokai dalam pengurusan aset dan fasiliti; dan
- pengurusan cerun juga perlu diberi perhatian yang serius agar keselamatan rakyat sentiasa terjamin.

21. Bagi memastikan kesemua perkara di atas dapat direalisasikan, kedua-dua pihak pegawai dan kakitangan harus berusaha sedaya upaya bagi memastikan setiap visi dan strategi merangkumi bidang dan ekspektasi yang relevan. Yang paling utama, struktur organisasi dan proses kerja mestilah dapat menyokong, memimpin dan menguruskan semua kepelbagaian bidang yang ada. Kita juga perlu menggerakkan sepenuhnya keupayaan profesional, pakar teknikal dan pengurusan

pentadbiran untuk menggalas kesemua tanggungjawab ini. ***“We need integrative multidisciplinary solutions to complex problems”***.

22. *We need to bring new mindsets in the way we conceptualize our jobs and how we deliver them. “No man, or business, is an island in today’s interconnected and globalized world”**. There must be constructive collaboration between the government, the business community and civil society. Government must draw on the technologies, innovative capacity, management know-how and inventive spirit of the private sector. We must see ourselves courageously venturing into new horizons, realizing new possibilities.*

*** (PM’s speech during CHOGM Meeting at Trinidad and Tobago on 27/11/2009)*

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang yang bakal menerima anugerah sebentar lagi. Semoga kemenangan ini menjadi sumber inspirasi dan aspirasi kepada semua. Sentiasa sematkan di dalam jiwa kita, bahawa ***‘mengusahakan sesuatu adalah jauh lebih baik daripada tidak melakukan apa-apa, walaupun adakala yang difikirkan dan diusahakan itu tidak berjaya pada hari ini’***.

24. Dengan itu, saya sudahi dengan wabillah hi taufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullah hi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.